

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN R. SIVARASA [SUNGAI BULOH]

TARIKH : 07 DISEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN:

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kenapa dalam keadaan di mana jumlah kes-kes COVID-19 telah mencecah 2.29 juta dan pada kemuncaknya di bulan Ogos dan September 2021 telah sampai ke 20 sehingga 25 ribu kes baru sehari, Kerajaan hanya mengerahkan lebih kurang 5000 kakitangan dengan majoriti besar daripada Kementerian Kesihatan untuk kerja *contact tracing*, dan isolasi dan tidak membuat mobilisasi '*all of government*' untuk langkah *fundamental* ini dan kegagalan ini tentu telah mengakibatkan penyerebakan kes-kes COVID-19.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR ABD LATIFF AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

1. Kerajaan mengamalkan pendekatan *whole of government, whole of society* (dengan izin) dalam usaha untuk membendung penularan COVID-19. Dalam urusan pengesanan kontak (*contact tracing*) bagi mengenal pasti individu yang menjadi kontak rapat kepada kes positif COVID-19, skop tugas ini dilaksanakan oleh petugas kesihatan dan dibantu oleh petugas bukan kesihatan.
2. Petugas kesihatan terutamanya Pegawai Kesihatan Persekitaran dan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran adalah terlatih untuk menjalankan pengesanan kontak yang mana pegawai yang terlibat perlu mempunyai pengetahuan dan kefahaman mengenai cara transmisi penyakit berjangkit dan tanda-tanda jangkitan sesuatu penyakit. Selain itu, mereka perlu membuat penilaian dan keputusan sama ada individu yang dikenal pasti sebagai kontak rapat perlu disaring dan diambil sampel klinikal. Pegawai juga boleh menentukan keperluan untuk mengeluarkan arahan kuarantin dan memberi khidmat nasihat kepada individu yang dikenal pasti sebagai kontak rapat.
3. Bagi memenuhi skop kerja kesihatan awam dan juga skop perawatan kesihatan, hingga kini Kerajaan telah melantik secara kontrak tambahan seramai 14,965 petugas kesihatan bagi tujuan menangani pandemik COVID-19.
4. Dalam masa yang sama, petugas bukan kesihatan termasuk dari agensi awam lain turut dimobilisasikan bagi menyokong perkhidmatan bukan klinikal. Antara skop tugas yang dilaksanakan adalah seperti berikut:
 - a) Melakukan proses pengesanan kes positif melalui telefon;
 - b) Menjalankan aktiviti pengesanan kontak melalui telefon;

NO. SOALAN : 34

- c) Membawa individu yang perlu dibawa ke Pusat Penilaian COVID-19 (CAC) untuk disaring dan ke pusat kuarantin bagi menjalani isolasi;
- d) Menguruskan dan mengemaskini data (*data entry*);
- e) Membantu tugas-tugas pentadbiran; dan
- f) Membantu petugas kesihatan di fasiliti kesihatan (memantau dan memberikan bantuan bukan klinikal kepada pesakit di wad).

5. Bagi memantapkan pelaksanaan skop tugas di PKRC MAEPS 2.0 dan hospital-hospital di Lembah Klang, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga mendapat kerjasama daripada Angkatan Tentera Malaysia (ATM) menerusi atur gerak 1,000 anggota bagi membantu urusan logistik seperti membangunkan hospital medan, pengagihan tangki oksigen dan pengurusan jenazah COVID-19.

6. Selain itu, pendekatan yang diambil bagi mengoptimumkan penggunaan sumber manusia adalah seperti berikut:

- a) melaksanakan mobilisasi seramai 3,787 petugas kesihatan ke negeri, fasiliti dan lapangan yang lebih memerlukan;
- b) menempatkan secara sementara seramai 411 petugas dari agensi awam lain bagi membantu KKM; dan
- c) mendapatkan khidmat petugas sukarelawan seramai 4,435 orang untuk membantu kerja-kerja klinikal dan kesihatan awam.

7. Manakala Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melalui Surat Arahan Penugasan Semula Secara Sementara Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Semasa Tempoh Proklamasi Darurat bertarikh 26 Januari 2021 telah melaksanakan penugasan semula secara sementara pegawai

awam ke agensi penerima yang bertanggung jawab penuh dalam pengurusan darurat dan pandemik Covid-19.

8. Penempatan pegawai adalah berdasarkan permohonan dan keperluan semasa di agensi penerima bagi melaksanakan sesuatu tugas yang ditetapkan termasuklah tugas *contact tracing* dan isolasi di KKM.

9. Sehingga 22 November 2021, seramai 4,813 orang pegawai daripada pelbagai Kementerian dan Jabatan telah terlibat dalam Penugasan Semula Secara Sementara Pegawai Perkhidmatan Awam. Agensi penerima yang terlibat adalah seperti berikut:

- a) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM);
- b) Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI);
- c) Majlis Keselamatan Negara (MKN);
- d) Kementerian Dalam Negeri (KDN);
- e) Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA);
- f) Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI);
dan
- g) Kementerian Sumber Manusia (KSM).

Sekian, terima kasih.